

25 AUG 1997

#### JANGAN BUAT PENILAIAN MUKTAMAD KE ATAS PENGAPUNGAN MATAWANG ASEAN

BANGI, 25 Ogos (Bernama) -- Menteri Kewangan Indonesia, Mar'ie Muhammad berkata adalah tidak wajar untuk membuat penaksiran muktamad ke atas pengapungan beberapa watawang negara Asean kerana proses itu masih dalam peringkat awal.

Tiga anggota Asean, iaitu Thailand, Filipina dan Indonesia masing-masing telah mengapungkan matawang mereka berikutan serangan spekulator baru-baru ini.

Beliau berkata: "Pengapungan matawang itu baru diperkenalkan dalam masa dua bulan, maka tolong jangan buat penilaian muktamad."

Jika dilihat perkembangan matawang itu baru-baru ini, ternyata keadaan sekarang adalah lebih baik daripada apa yang dialami tiga atau empat minggu yang lalu, beliau memberitahu wartawan selepas membentangkan kertas kerjanya berjudul "Pembangunan: Untuk Apa dan Untuk Siapa" di Universiti Kebangsaan Malaysia, di sini.

Menyentuh mengenai pengapungan matawang, Mar'ie berkata, negara Asean perlu melihat perkembangan sistem pengapungan dari segi positif mahupun negatif kerana ada jua hal atau perkembangan tidak diboleh diduga, tambahan pula sistem tersebut baru dilaksanakan di beberapa negara di rantau ini.

Mengulas mengenai hasil pertemuan beliau dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini, Mar'ie berkata antara isu yang dibincangkan ialah krisis kewangan yang melanda negara-negara Asia Tenggara.

Di samping itu beliau juga berbincang dengan Dr Mahathir untuk menghasilkan satu kerjasama yang lebih kemas, khususnya dalam bidang kewangan, terutamanya yang melibatkan Menteri Kewangan dan Gabenor bank pusat.

Mar'ie menambah: "Kita punyai forum untuk itu ...tidak perlu dicipta forum baru."

Beliau berkata pertemuan para menteri kewangan Asia dan Eropah pada 19 September ini di Bangkok boleh dijadikan satu forum bagi menteri kewangan dari negara Asean seperti Malaysia, Indonesia, Thailand, Filipina dan Brunai untuk membincangkan perkara itu.

Forum seperti itu juga boleh diadakan di Hong Kong sempena Perjumpaan Tahunan Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) yang akan bermula pada 20 September, tambah Mar'ie.

Di Hong Kong para menteri kewangan dan Gabenor bank pusat negara Asean, seperti biasa akan bertemu dengan Menteri Kewangan Jepun dan wakil-wakil dari Bank Pembangunan Asia (ADB) dan Bank Dunia, kata beliau.

Pada mesyuarat tahunan itu, Mar'ie berkata pertemuan di antara menteri-menteri kewangan dan gabenor-gabenor bank pusat Asean dengan Setiausaha Kewangan Amerika Syarikat akan turut diadakan.

"Kemungkinan satu pertemuan di antara menteri-menteri kewangan dan gabenor-gabenor bank pusat Asean dengan pangarah urusan IMF, Michel Camdessus juga akan diaturkan di sana," tambah beliau. -- BERNAMA

MK SIA